

## Sindiket janji pulangan jutaan ringgit guna modal harta karun kesultanan Melaka

Oleh Skuad Khas Harian Metro  
am@hmetro.com.my

### Kuala Lumpur

**E**mas bernilai jutaan ringgit konon dari zaman Kesultanan Melayu Lama menjadi modal sindiket pelaburan haram *Self Made Millionaire Group* (SMMG) yang dikesan giat mencipta 'jutawan segera' dari seluruh negara.

Umpannya cukup mudah, ejen sindiket memaklumkan pengasas skim berkenaan adalah waris kepada harta berkenaan namun tidak memiliki dana cukup membawa pulang harta dikatakan disimpan di England.

Bermodalkan kisah itu, orang ramai ditawar menjadi pelabur bermula dengan modal serendah RM20 bagi mendapat pulangan sehingga RM30 juta.

Bagi meyakinkan pelabur, ejen sebagai orang tengah memaklumkan harta itu diangkat pergi ketika negara dijahah, tetapi selepas 'tempoh matang' ia sudah boleh dikembalikan kepada pemilik atau pewarisnya.

Sindiket didalangi seorang lelaki menggunakan status Datuk itu aktif mencari mangsa terbaharu khususnya mereka yang terdesak mendapatkan wang segera dengan modal rendah sejak beberapa tahun lalu.

Bukan itu saja, orang tengah dikenali sebagai 'ketua' turut memaklumkan wang bakal diterima hasil pelaburan dari pelbagai sektor di luar negara yang dimiliki pengasas skim SMMG.

Hasilnya, ramai terpengaruh kerana modal ditawarkan cukup rendah manakala hasil yang bakal diterima bernilai puluhan juta ringgit bergantung kepada nilai pelaburan dibuat.

Modus operandi skim SMMG ini cukup licik kerana hanya mewujudkan kumpulan WhatsApp yang ditadbir ketua bagi menarik minat mangsa dengan pelbagai tawaran menarik dengan masa terhad.

Melihat modal permulaan yang rendah, ramai mangsa

tanpa lengah bersetuju melabur dengan melakukan pindahan wang kepada akaun individu atau syarikat tertentu yang dimaklumkan oleh ketua.

Ada antara mangsa yang mempunyai modal yang banyak akan melabur kerana berharap pulangan pelaburan itu boleh berlipat ganda seperti yang didakwa.

Tempoh diberikan untuk menerima semula pulangan itu antara beberapa minggu hingga bulan bergantung kepada jenis dan jumlah dana yang bakal diterima.

Namun selepas tempoh dijanjikan, pulangan masih belum diterima, malah ketua mencipta pelbagai alasan melengahkan pembayaran sehingga ada mangsa yang sudah mula sangsi dengan skim berkenaan.

Disebabkan modal rendah, ramai mangsa enggan tampil membuat laporan polis kerana tidak mahu terikat dengan prosedur siasatan sehingga skim berkenaan semakin berani dan menggunakan pelbagai nama untuk terus menarik minat orang ramai.

Bagaimanapun atas kesedaran sendiri, beberapa mangsa membuat laporan polis dan Bank Negara Malaysia (BNM) bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai pelaburan ini dan ternyata ia hanya penipuan yang berjaya mengaut keuntungan jutaan ringgit.

HARI : ISNIN  
TARIKH : 10/2/2020  
M/SURAT : 10A

37 SMTG		37 SMIG	
<p><b>BORANG PORTION RESCUE SMMG</b></p> <p>( Saje suka2 nak belanja SMMG sbg bukti sokongan ahli2 SMTG kpd SMMG sbb nak bodek TSR supaya SMTG dapat PO awal )</p> <p>★★★★★</p>			
<p>Berapa imbuhan adalah terpulang pada Tuan Royal. Semua dah ditetapkan mengikut arahan Tuan Royal</p> <p>00:34</p> <p>Unfair la kalau yg org ni join rm50 dpt rm5 juta. yg next nye pulak RM50 dapat rm 500 juta contohnya</p> <p>00:34 ✓</p> <p>★★★★★</p>			
<p>You</p> <p>Unfair la kalau yg org ni join rm50 dpt rm5 juta. yg next nye pulak RM50 dapat rm 500 juta contohnya</p> <p>00:35 ✓</p> <p>Apa yang unfairnya?</p> <p>00:35</p> <p>Kalau nak beli kalau tak nak tak perlu pertikaikan</p> <p>00:35</p> <p>Nilai pelaburan yang sama pelaburan yang berbeza</p> <p>00:35 ✓</p> <p>Lagipun semuanya mengikut portion la.</p> <p>00:35</p>			
<p><b>TUAN ROYAL SMTG</b></p> <p>Patut la aku rasa mcm ada jembalang masuk mimpi aku</p> <p>00:36</p> <p>RM 1K DPT RM 8 B</p> <p>RM 500 DPT RM 4 B</p> <p>RM 125 DPT RM 1 B</p> <p>RM 100 DPT RM 800 J</p> <p>RM 50 DPT RM 400 J</p> <p>RM 10 DPT RM 80 J</p> <p>PASTIKAN DETAIL IKUT DLM ICANDA / DAN ANDA DLM GROUP BERAPAKAH RIFLIUM AHII</p> <p>TUAN ROYAL SMTG removed you</p>			
<p>Knp baru tanya..</p> <p>00:33</p> <p>Sebab sy duduk dlm group ni brusy nampak</p> <p>00:33 ✓</p> <p>Kalau tidak sy x tahu</p> <p>00:33 ✓</p> <p>Kalau tak yakin kenapa join?</p> <p>00:33</p> <p>Awal2 still considerable</p> <p>00:33 ✓</p> <p>Kenapa tak siasat dahulu? Tak tanya org yang bawak awak masuk?</p> <p>00:33</p> <p>Makin lama makin tinggi pulak yang dijanjikan</p> <p>00:33 ✓</p> <p>Berapa imbuhan adalah terpulang pada Tuan Royal. Semua dah ditetapkan mengikut arahan Tuan Royal</p> <p>00:34</p> <p>Unfair la kalau yg org ni join rm50 dpt rm5 juta. yg next nye pulak RM50 dapat rm 500 juta contohnya</p> <p>00:34 ✓</p> <p>★★★★★</p>			

HARI : ISNIN  
 TARikh : 10/2/2020  
 M/SURAT : 11A

**37 SMTG**

Btul ke kekayaan TSR setanding dengan negara2 terkaya di dunia 😊  
00:10 ✓

Bill gates paling kaya pun 110b+ 00:11 ✓

Mohon admin jawab 00:11 ✓

Dah knp nak tau brapa kaya TSR tu.. 00:29

Sebab saya rasa x munasabah 00:30 ✓

You  
Sebab saya rasa x munasabah

Kenapa baru skg rase tu dtg en muhammad iqbal 00:30

Mula2 50 juta 00:31 ✓

Nilai nye meningkat pulak 00:31 ✓

Sampai berbelas billion 00:31 ✓

Kalau 10000 ribu org melabur rm1000 00:31 ✓

Dah cecah trillion dah kene bayar 00:32 ✓

Sedangkan-GDP malaysia bru 1.5 trillion 00:32 ✓

Knp baru tanya... 00:32

**37 SMTG**

Rm15b banyak sangat tu,berapa kekayaan TSR sebenarnya ni, teringin nak tahu 22:49 ✓

⌚ This message was deleted 22:58

You  
Rm15b banyak sangat tu,berapa kekayaan TSR sebenarnya ni, teringin nak tahu

Mohon jawab ye admin,kaya sangat ni , Robert kuok pun 24billion 🤔 22:58 ✓

⌚ This message was deleted 22:59

TODAY

			2019
USA	1	United States	21,439.45
CHN	2	China	14,140.16
JPN	3	Japan	5,154.48
DEU	4	Germany	3,863.34
IND	5	India	2,935.57
GBR	6	United Kingdom	2,743.99
FRA	7	France	2,707.07
ITA	8	Italy	1,988.64
BRA	9	Brazil	1,847.02
CAN	10	Canada	1,730.91
RUS	11	Russia	1,657.89
KOR	12	Korea	1,620.53
ESP	13	Spain	1,397.11
AUS	14	Australia	1,376.25

